

Hadiah keamanan dari Felda

Sinar Harian 06/01/2018 M/S 4

SITI ZUBAIDAH MAT ISA

KUALA LUMPUR - Pertumpahan darah, kezaliman, keganasan dan ancaman komunis pernah menjadi ancaman ngeri penduduk Tanah Melayu sekitar 1940an. Keadaan menjadi huru-hara sehingga darurat diisytiharkan.



Selepas pengunduran tentera Jepun, Parti Komunis Malaya mula mengganas. Mereka tekad mengguling Kerajaan dan mengambil alih Tanah Melayu. Menggunakan teori Mao Zedong, Komunis perlu memulakan gerakan dari kawasan luar bandar jika mahu menakluki bandar.

Sejarah inilah menjadi sebahagian sebab, mengapa tanah rancangan Felda diwujudkan. Kedudukan geografi dan pemilihan lokasinya strategik, bagi mengekang kemaraan komunis.

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, Felda bukan sekadar ditubuhkan bagi menangani isu penempatan semula atau mengurangkan kemiskinan

penduduk luar bandar dan menaikkan taraf ekonomi.

Katanya, Lurah Bilut dipilih menjadi tanah rancangan Felda yang pertama pada 1956. Tanah rancangan yang terletak tengah-tengah daerah antara Raub dan Bentong, Pahang.

"Lokasinya begitu strategik sehingga menjadi laluan pengganas Komunis untuk menyusup masuk dari utara ke seluruh Tanah Malaya ketika itu.

"Sebab itulah Lurah Bilut dipilih. Ia sebagai usaha Kerajaan untuk membanteras kemaraan Komunis sekitar tahun 1950an," katanya dalam temu bual khas bersama Sinar Harian.

Lebih dari itu, ramai tidak menyedari, pembukaan tanah rancangan Felda lebih dari serampang dua mata. Ia bukan sahaja untuk

pembangunan ekonomi, tetapi keselamatan negara.

"Masyarakat luar bandar yang mengambil keputusan menyertai rancangan Felda inilah yang telah menjadi penghalang kepada cita-cita komunis. Inilah sumbangan besar mereka bersama pemerintah. Mereka menolak gerakan komunis demi keamanan negara," katanya.

Orang Felda perlu jadi duta

Jangan simpan kehebatan orang Felda! Demikian yang diharapkan oleh Shahrir.

Katanya, kisah wira yang tidak didendang ini wajar disebar luaskan ke serata dunia.

"Kejayaan dicapai peneroka hari ini seharusnya menjadi kebanggaan rakyat seluruh negara. Kehebatan mereka membuka tanah baharu, perlu dipahat sebagai sebuah lambang keberanian golongan terawal yang menduduki tanah rancangan," pesannya.

Katanya, ini peranan dan tugas anak-anak Felda yang sudah berjaya dan berada di luar. Kisah generasi terawal dan kejayaan Felda menyekat kemaraan komunis ini perlu diketahui oleh semua orang Felda.

"Jangan malu untuk mengaku kamu anak Felda. Kamu anak hero

yang telah menghadiahkan sebuah negara bangsa yang aman. Kami perlu bangga dengan itu," katanya.

Persepsi sekarang yang hanya mengatakan Felda hanya untuk orang Felda wajar diubah.

"Ramai yang beranggapan Felda terlalu eksklusif dan tertutup. Kita mahu ubah ini. Biar dunia luar masuk ke Felda, masuk ke tanah kita dan melihat keindahan, keunikan setiap tanah rancangan yang kita ada. Ia sangat cantik, kehidupan sat komuniti yang lengkap dan tersusun," katanya.

Menurut Shahrir, anak-anak peneroka harus bertindak sebagai duta kecil Felda, dan menepi persepsi lapuk ini.

"Tunjukkan keberanian yang sama seperti mana ibu bapa kami yang berani membuka tanah menerokai penempatan baharu.

"Tunjukkan bagaimana mereka berjaya hidup harmoni dalam kelompok masyarakat yang datang dari pelbagai latar, berbangsa keturunan dan pelbagai negeri tapi mereka berjaya dengan satu matlamat, iaitu menjadi peneroka yang berjaya.

"Sampaikan mesej dan imbas yang mencerminkan bahawa Felda unik dan istimewa kepada masyarakat luar," katanya.

Masyarakat luar bandar yang mengambil keputusan menyertai rancangan Felda inilah yang telah menjadi penghalang kepada cita-cita komunis. Inilah sumbangan besar mereka bersama pemerintah. Mereka menolak gerakan komunis demi keamanan negara." - Shahrir

Tranformasi Felda perubahan bermula dari bawah

KUALALUMPUR-Felda, kejayaannya menjadikan Malaysia satu-satu negara yang berjaya melakukan reformasi tanah. Tiada negara yang berjaya seperti Malaysia. Itu fakta!

Tetapi, apa akan jadi pada Felda di masa hadapan?

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, kerana itu Felda perlu berubah dan tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang eksklusif dan tersendiri.

"Jika sekarang, masyarakat menganggap Felda hanya untuk orang Felda. Yang berkunjung ke tanah rancangan juga hanya keluarga mereka, anak dan cucu cicit. Orang luar berasakan mereka 'tidak diundang' masuk ke tanah rancangan.

"Begitu juga dengan masyarakat Felda. Mereka tidak boleh kekal dalam sektor komoditi sahaja. Felda perlu kembali mengambil peranan sebagai pemimpin transformasi luar bandar," katanya.

Katanya, perubahan perlu dilakukan dari akar umbi. Perlu bermula dari peringkat bawah.

Komuniti Felda di tanah rancangan mesti melakukan perubahan

dengan matlamat yang jelas.

"Sebagai contoh, Felda Lurah Bilut menerusi projek perintis di bawah inisiatif Felda 2.0, akan menjadi tanah rancangan pertama sebagai komuniti pintar.

"Transformasi ini harus mengambil kira apa yang berlaku dalam daerah tanah rancangan dan kawasan sekelilingnya iaitu Bentong dan Raub," katanya.

Bentong sebagai destinasi pelancongan memberi manfaat besar kepada Lurah Bilut dengan cara mengukuhkan lagi keistimewaan dan keunikan yang ada di tanah rancangan itu.

"Untuk perubahan berlaku, masyarakat Felda perlu digerakkan menjadi komuniti mampan. Ekonomi, sosial/komuniti, alam sekitar dan kesihatan yang seimbang selain berdaya tahan.

"Kesegaran alam sekitar, sungai yang bersih dan lestari akan menjadi tarikan pelancong tempatan bahkan antarabangsa," katanya.

Shahrir mahu melihat Felda sebagai satu destinasi pelancongan negara yang baru dan membawa

Felda lebih terbuka dan terhubung.

"Untuk ia terhubung, capaian internet mesti setanding dengan apa yang dinikmati penduduk bandar.

"Capaian Internet itu akan menjadi pemangkin dan disokong dengan pembangunan infrastruktur lain seperti Muzium Felda, inap desa, taman rekreasi, ruang perniagaan Dataran Tun Razak, landskap sungai serta laluan pejalan kaki di tebing sungai sebagai tarikan pelancong.

"Namun, untuk reformasi ini berlaku, ia perlu bermula daripada bawah (peneroka) dan hasilnya dinikmati bersama oleh semua peringkat," katanya.

Shahrir juga mahu Felda mengambil alih peranan sebagai pemimpin dan menerajui transformasi luar bandar.

"Kita mahu menjadikan Felda sebagai komuniti contoh dan terbuka kepada orang luar. Mereka boleh datang (menginap) dan menyertai kegiatan kita yang akhirnya memberi nilai tambah kepada masyarakat itu sendiri," katanya.



Peneroka pindah masuk rancangan di tahun 60-an.

Asal sebuah kawasan hitam

NAMA Felda Tun Ghafar Kemendor di Jasin, Melaka, mungkin sudah tidak asing lagi bagi ramai orang terutama mereka yang arif tentang perkembangan rancangan tanah berkenaan.

Bagaimanapun, pastinya tidak ramai yang mengetahui keunikan sejarah di sebalik nama Kemendor itu.

Mula diterokai pada 1958, nama Kemendor diambil sempena kewujudan sebuah kem komando British di tapak tanah rancangan ini.

Mengikuti loghat orang tempatan, mereka menyebut komando sebagai 'Kemendor'.


Apa yang lebih menarik, bangunan yang sebelum ini dikatakan pernah didiami pegawai atasan British ketika itu masih lagi berdiri utuh berhampiran pintu masuk ke tanah rancangan berkenaan, walaupun sudah melebihi setengah abad.

Mengikuti cerita orang lama, kem komando British ditempatkan di kawasan itu sebelum kewujudan Felda lagi kerana kawasan terbabit pernah dianggap sebagai 'kawasan hitam' selepas tamat penjajahan Jepun pada 1945.

Malah, difahamkan kumpulan 50 peneroka asal berbangsa Cina yang dibawa masuk ke Felda adalah merupakan satu langkah memutuskan hubungan mereka dengan komunis, yang pada ketika itu merupakan satu ancaman kepada negara.

Salah seorang peneroka asal yang masih ingat detik pertama melangkah kaki ke Kemendor adalah Mamat Layar, 84.

Ketika itu dia baru berusia 22 tahun, merupakan salah seorang dari 50 peneroka asal Melayu yang



Felda Tun Ghafar Kemendor.

Memang Felda ditubuh untuk bantu ekonomi peneroka tapi masa sama ia juga menjadi halangan kepada pengaruh komunis."

- Mamat

mula ditempatkan di situ.

Dia berkelana ke Kemendor bersendirian, manakala keluarganya ditinggalkan di Rim, Jasin. keluarganya hanya berpindah ke Kemendor pada 1962.



Mamat (dua, kiri) bersama anak (tiga, kiri) dan saudaranya.

1. FELDA JELAI

Felda Jelai merupakan tanah rancangan FELDA yang terletak di Gemas, Negeri Sembilan, Malaysia.

Felda Jelai ini dapat mengatasi masalah pengganas komunis yang bersembunyi di sempadan Negeri Sembilan, Johor dan Pahang yang aktif antara 1948 hingga 1960.

Kebanyakan kawasan hutan yang diteroka oleh Felda adalah kawasan persembunyian pengganas komunis.

2. FELDA SUNGAI TIANG

Felda Sungai Tiang adalah sebuah tanah rancangan yang telah dibuka bermula tahun 1959.


Sebelum merdeka, kawasan tanah Felda Sungai Tiang menjadi sebuah tempat persembunyian komunis.

Komunis yang bersembunyi di tempat yang diberi nama Bukit Rimau itu kemudian hilang setelah tanah rancangan dibuka di kawasan mereka.

3. KAMPUNG FELDA LEMBAH KLAU

Sungai Ruan sebuah kampung kecil di daerah Raub, Pahang dan salah satu pekan hampir dengan Kampung Felda Lembah Klau.

Ancaman komunis yang serius di beberapa negeri di Pahang, Perak dan Selangor menyebabkan kerajaan ambil langkah membina dan membangunkan kawasan penempatan baru seperti Cheroh (1948), Sang Lee (1948), Sungai Ruan (1948), Sungai Chapan (1949), Bukit



Loh Kai Meng menceritakan pengalamannya.

Ketika itu, katanya, tanah terbabit merupakan kem komando British dan Feldahanyamengambil alih tanah tersebut kemudian.

Sebagai kumpulan peneroka pertama, menurut Mamat, dia bersama peneroka lain pada awalnya terpaksa menetap di berek yang telah dikosongkan komando British sebelum mereka diberi tapak untuk membina rumah.

"Pada masa itu, peneroka Melayu dan Cina diasingkan. Lima puluh Melayu di sebelah sini dan 50 Cina di sebelah sana," katanya.

Menurut Mamat, ketika itu, kawasan hutan di sekitar Kemendor merupakan kawasan 'panas' apabila komunis

membuat kacau.

Menurutnya, kaum Cina yang masuk Felda ketika itu bertujuan memastikan komunis tidak akan dapat menggunakan mereka bagi mendapatkan makanan atau bantuan lain.

"Bagi mengimbangkan 50 Cina yang dibawa masuk, 50 kaum Melayu juga dibawa masuk. Pada masa sama, kehadiran masyarakat Melayu ini juga akan dapat membantu mengawal pergerakan mereka (kaum Cina).

"Memang Felda ditubuh untuk bantu ekonomi peneroka tapi masa sama ia juga menjadi halangan kepada pengaruh komunis," kata Mamat.

Meskipun aktiviti komunis masih wujud di kawasan berhampiran, namun menurut Mamat, keamanan di Felda Kemendor tidak pernah diganggu mereka.

"Tiada apa hendak ditakutkan. Biasanya kami akan beramai-ramai naik basikal untuk balik kampung

berjumpa keluarga," katanya.

Sementara itu, bagi Loh Kai Meng, 81, pula, walaupun dia merupakan peneroka peringkat kedua di Felda Kemendor, cerita mengenai komunis dan bagaimana kawasan terbabit dianggap sebagai 'kawasan hitam' memang diketahuinya.

Mula tiba di Kemendor pada 1959 ketika berusia 22 tahun, Kai Meng mengakui kawasan berkenaan merupakan 'kawasan hitam' ketika itu.

"Memang ada aktiviti komunis selepas kekalahan Jepun. Malah, apabila saya dapat sertai Felda ketika itu, ramai kawan yang hairan bagaimana saya boleh hidup kerana waktu malam memang tidak boleh pergi mana-mana sebab 'black area,' katanya.

Menurut Kai Meng, dia juga ada dimaklumkan terdapat tiga bekas komunis yang turut mendapat tanah rancangan selepas mereka menyerah diri dan melepaskan perjuangan komunis

Sungai Chetang (1948), Bukit Koman (1949), Sempalit (1950), Sungai Lui (1950), Tras (1950) dan Sungai Klau (1960).

Kerajaan juga mewujudkan Rancangan Penempatan Semula Keselamatan (RPSK) pada 1978 yang melibatkan seramai 534 peserta di Peruang, Merapoh, Sungai Chalit dan Jekoh.

Justeru, pembukaan tanah-tanah baru seperti rancangan tanah Felda merupakan tindakan serampang dua mata kerajaan, untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk khususnya Bumiputera serta menyusun semula masyarakat.

Cara ini juga telah dapat melemahkan kegiatan Parti Komunis Malaya sehingga Malaysia diisytiharkan bebas komunis pada 1987.

Sumber: Wikipedia